

17.3.2022

Siaran Media

KITAR SEMULA AIR DI PULAU PINANG: PBAPP TANDATANGANI MoU DENGAN IWK

- **Kerjasama antara PBAPP dan IWK untuk mengesahkan daya maju projek kitar semula air di 3 lokasi strategik di Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Jumaat, 17.3.2022: Sebagai sebahagian daripada rancangannya untuk memastikan sekuriti bekalan air di Pulau Pinang menjelang 2030, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan bekerjasama dengan Indah Water Konsortium (IWK) untuk mengkaji aspek daya maju projek kitar semula air kumbahan untuk kegunaan semula industri di Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd Ir. Pathmanathan K. dan Ketua Pegawai Eksekutif IWK Encik Narendran Maniam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di ibu pejabat IWK di Kuala Lumpur semalam. Majlis menandatangani perjanjian tersebut turut disaksikan oleh En. Mohd Zainal bin Zakaria (Ketua Pegawai Operasi, IWK), En. Azuan Ahmad Zahdi (Ketua Jabatan Perancangan Korporat, IWK), Dr. Mary Ann Harris (Ketua Pegawai Kewangan, Kumpulan PBA), En. Mohd Zulkifli Abdul Hamid (Ketua Bahagian Sumber Manusia, Kumpulan PBA) dan Puan Joyce Lee (Ketua Bahagian Hal Ehwal Korporat, Kumpulan PBA).

MoU ini memeterai kerjasama antara PBAPP dan IWK untuk meneroka daya maju projek kitar semula air kumbahan terawat dari 3 loji rawatan kumbahan (STP) IWK sedia ada di Pulau Pinang yang kini dilepaskan ke laut.

“PBAPP membincangkan kemungkinan mengitar semula air untuk kegunaan semula industri dengan IWK pada April 2022. Sejak itu, kami telah mengenal pasti 3 STP yang terletak di Bayan Baru, George Town dan Mak Mandin untuk kajian mendalam,” kata Ir. Pathmanathan K.

“Gabungan pelepasan air kumbahan terawat daripada 3 STP ini dianggarkan sebanyak 260 juta liter sehari (JLH). Sebagai perbandingan, output air terawat daripada sebuah modul rawatan air konvensional moden di Loji Rawatan Air Sungai Dua ialah 114 JLH.

“Oleh itu, potensi hasil daripada kitar semula air daripada 3 STP IWK ini boleh menyamai dengan 2.3 output rawatan air modul rawatan air konvensional di Sungai Dua,” ujar beliau.

Beliau berkata 3 STP yang dikenal pasti dipilih berdasarkan 3 kriteria utama berikut:

- Lokasi strategik;
- Potensi hasil (isipadu output air kitar semula); dan
- Kedekatan relatif dengan bakal pengguna kategori bukan domestik.

“Cabaran terbesar Pulau Pinang sekarang ini ialah kekurangan sumber air mentah kerana kita adalah negeri dengan keluasan tanah terhad seluas 1,049 km persegi. Jika kami dapat mengitar semula 260 JLH air kumbahan terawat untuk kegunaan semula industri, kami akan meningkatkan kapasiti bekalan air maksimum PBAPP di Pulau Pinang sebanyak 260 JLH, per se.

“Cadangan kitar semula air ini mencerminkan komitmen PBAPP untuk merancang lebih awal demi kebaikan negeri dan rakyatnya. Jika ia berdaya maju, projek kitar semula air di Pulau Pinang akan menyokong pencapaian visi Penang2030 di samping mengurangkan lagi risiko kekurangan air ketika musim kemarau yang berpanjangan,”
Ir. Pathmanathan K berkata.

PBAPP dan IWK akan mengesahkan daya maju projek kitar semula air yang dicadangkan di Pulau Pinang dari sudut:

- Teknologi kitar semula air yang boleh digunakan;
- Keperluan kejuruteraan air teknikal untuk membina dan mengendalikan modul kitar semula air bersebelahan atau berhampiran STP IWK sedia ada;
- Potensi kualiti air kitar semula;
- Kerja-kerja pemasangan paip dan pam khusus yang berasingan untuk membolehkan bekalan air kitar semula kepada pengguna industri;
- Kos keseluruhan untuk mengitar semula air kumbahan dan membekalkan air kitar semula;
- Ketersediaan tanah untuk pembinaan loji rawatan air kitar semula;
- Persepsi dan penerimaan pengguna industri terhadap air kitar semula;
- Bilangan pengguna dan permintaan yang diperlukan;
- Perbelanjaan modal (CAPEX) dan perbelanjaan operasi (OPEX); dan
- Kos akhir rawatan setiap m³.

Terdapat STP lain yang lebih kecil yang perlu melalui kajian lanjut untuk aspek kejuruteraan dan daya maju kewangan.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my



16.3.2023 : WATER RECYCLING IN PENANG. PBAPP SIGNS MoU WITH IWK.

